

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 04 FEBRUARI 2018

MUKA SURAT: 03

Saran bomba latih sekolah agama, tahfiz

BAGAN DATUK 3 Feb. - Sekolah agama dan maahad tahfiz di seluruh negara disaran mengadakan latihan keselamatan dan kesihatan pekerja bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sekurang-kurangnya sekali setahun.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, usaha tersebut perlu dilakukan selepas Buku Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Untuk Sekolah Tahfiz dilancarkan hari ini.

Tambah Ahmad Zahid, ia juga merupakan komitmen daripada pelbagai pihak untuk membantu meningkatkan tahap keselamatan di institusi keagamaan di negara ini supaya sentiasa berada dalam keadaan terbaik.

"Selain itu, usaha ini merupakan salah satu langkah untuk menjadikan sekolah agama dan maahad tahfiz terus berada di garisan hadapan melalui anjakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

"Kita tidak mengetepikan batas-batas perbezaan aliran pendidikan di negara ini dan keutamaan tetap diberikan kepada seluruh rakyat." katanya.